

<p class="pagenav">2 November 2007</p><p> </p><p>

align="justify"><u>Surat</u>♦</p><p align="justify">SEBAGAI pengguna LRT yang menggunakan pas bulanan, saya kesal kerana tambang bulanan dinaikkan oleh Rapid KL tanpa notis mencukupi kepada pengguna. Persoalan di sini bukan kerana kenaikan RM10 tetapi kegagalan pihak berkenaan memberi notis lebih awal.

Pengguna hanya menyedari kenaikan tambang apabila membayar untuk mendapatkan pas bulanan November dan terpaksa membayar RM100 daripada RM90 sekarang. </p><p>

align="justify">Saya berpendapat pihak pengurusan Rapid KL tidak peka dan tersilap langkah dalam perkara ini. Saya yakin pihak pengurusan Rapid KL sedia maklum bahawa pengguna pas bulanan majoritinya adalah daripada pekerja yang mempunyai latar belakang profesional. </p><div align="justify">Pihak Rapid KL perlu lebih peka dengan layanan yang diberikan, bukan

sekadar membiarkan pengguna menyedari kenaikan ketika membuat pembayaran. Layanan sebegini seolah-olah menunjukkan bahawa syarikat berkenaan hanya mementingkan soal kenaikan saja tanpa mengambil kira kepentingan pengguna.

Pihak pengurusan Rapid KL juga mungkin beranggapan pengguna tidak perlu dimaklumkan dan terpaksa menelan apa saja tindakan mereka.

Saya pernah menghubungi pihak 'Talian Bantuan Perkhidmatan Pelanggan' Rapid KL dan diberitahu bahawa pihak pengurusan Rapid KL hanya memaklumkan kenaikan harga melalui sebuah akhbar tabloid berbahasa Inggeris saja. </div><p align="justify">Saya berpendapat pihak berkenaan harus menampalkan poster pemberitahuan untuk semua lapisan masyarakat bagi memastikan pengguna dimaklumkan lebih awal.

Saya berharap pihak pengurusan Rapid KL mengambil berat komen yang diberikan dan mengambil kira kesemua pandangan secara positif demi meyakinkan semula pengguna terhadap perkhidmatan Rapid KL.

Rapid KL juga adalah lambang kemegahan negara kita tetapi kegagalan pengurusan boleh mengganggu gugat keyakinan semua pihak.

Mungkin atas kesilapan yang dilakukan, eloklah pihak pengurusan Rapid KL yang diterajui warga asing itu menanggungkan sebarang kenaikan tambang sehingga tahun depan dan sementara itu melancarkan gerakan penerangan kepada umum dengan secara sistematik dan meluas. </p><p align="justify">Saya hairan bagaimana pihak

pengurusan Rapid KL boleh 'terlupa' untuk memaklumkan kepada umum mengenai kenaikan tambang sedangkan ketua eksekutifnya orang Eropah yang pastinya sedia arif mengenai isu yang membabitkan orang ramai.

Kalau di Perancis atau Britain, mana boleh tindakan sebegini dilakukan tanpa terlebih dulu dimaklumkan kepada umum?

PENUMPANG KECEWA,
Ampang, Selangor.</p><p align="justify"></p>